


Music Time

PERTANDINGAN MUSIC TIME KEYBOARD PERINGKAT NEGERI SETELAH 2 TAHUN PANDEMIK



Dicetak Oleh
PREMIO PRINTDEPOT (KDN-PQ1780/4745)
No.36 Jalan PBS 14/8, Taman Perindustrian Bukit
Serdang, 43300 Seri Kembangan, Selangor.

SEPATAH DUA KATA DARI GURU MUZIK PROFESIONAL



LEONG KA SHEM
YAMAHA MUSIC (MALAYSIA) SDN BHD

Saya berbesar hati kerana dilantik sebagai hakim untuk Festival Music Time 2023. Ia merupakan pengalaman yang membuka mata untuk saya menyaksikan penyelarasan koreografi yang sempurna dan permainan kibod dalam kalangan sekumpulan kanak-kanak sekolah rendah.

Ia benar-benar mempamerkan dedikasi dan usaha yang dilakukan oleh guru, ibu bapa, dan pelajar. Bagus! Saya berharap untuk melihat lebih banyak lagi di tahun hadapan.

NUR HIDAYU GOH BINTI ABDULLAH
GURU

Program Music Time Keyboard (2013) dan gitar (2015) yang telah dijalankan oleh Yamaha Music Malaysia sangat baik. Program ini telah banyak memberi peluang kepada ramai murid untuk mempelajari keyboard dan gitar di sekolah. Selain dari belajar muzik melalui program ini, murid-murid juga dapat belajar membina keyakinan diri, bersepakat dan semangat bekerjasama “United With Music” semasa kelas/latihan/festival. Program ini banyak tinggalkan kenangan manis sepanjang perkhidmatan saya sebagai seorang guru. Saya berharap agar program yang hebat ini dapat berterusan dan melahirkan bakat-bakat muzik yang bertaraf dunia di negara kita.

TERIMA KASIH YAMAHA MUSIC MALAYSIA
TERIMA KASIH YAMAHA CORPORATION JAPAN



CHEESE LEE HWA
GURU

Memperkenalkan program Music Time ke sekolah untuk pelajar adalah satu inisiatif yang sangat dipuji dengan pelbagai manfaat dan potensi. Music Time membolehkan pelajar mengekspresikan diri secara kreatif. Aktiviti nyanyian dan bermain kibod merupakan satu saluran untuk pelajar membentuk emosi yang positif dan menggalakkan pemikiran imaginatif. Persembahan di hadapan penonton, sama ada dalam kelas atau acara sekolah yang lebih besar, boleh meningkatkan keyakinan diri pelajar.



PANDANGAN GURU DAN PELAJAR



NUREEN TASNIM BINTI AZIZAN (Guru SK Guar Perahu)

Program ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar dengan alat muzik seperti keyboard di sekolah kerana pelajar tidak dapat peluang seperti ini di rumah. Selain itu, dapat meningkatkan keyakinan diri dan ekspresi pelajar.

ROS AINII BT ISMAIL (Guru SK Guar Perahu)

Program ini sangat baik sebab dapat melibatkan murid secara aktif dan tunjukkan bakat, meningkatkan keyakinan diri pelajar, dan berdisiplin.



HAYANI MARIA (Guru SK Bukit Gelugor)

Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada murid-murid untuk mempelajari alat muzik keyboard dengan lebih mendalam. Kita dapat memberi murid-murid peluang membina keyakinan diri, dan menggalakkan kemenjadian murid dalam bidang muzik. Seterusnya dapat gabung jalinan mata pelajaran muzik dengan mata pelajaran lain supaya dapat merangsang murid belajar dengan efektif.

MOHD AFIQ FARHAN (Guru SK Bukit Gelugor)

Program ini dapat mencungkil bakat murid. Saya dapati ramai murid-murid yang berbakat, walaupun terdapat sedikit kesalahan dalam bermain tapi ini bukan halangan untuk ketengahkan bakat murid. Saya harap pertandingan seperti ini dijalankan lebih banyak lagi supaya murid dapat melibatkan diri dengan lebih aktif.



WAN NURZARA ZULAIKHA (Pelajar SK Lahar Yooi)

Saya berasa sangat seronok dapat bermain keyboard bersama kawan-kawan dan adik saya. Selain itu, bermain alat muzik adalah salah satu hobi saya semasa waktu lapang. Bermain keyboard juga dapat menghilangkan stress.

FATIMAH (Pelajar SK Bayan Baru)

Saya dan kawan-kawan berasa sangat seronok kerana Yamaha Music memberi peluang kepada kami untuk menyertai Program Music Time. Kami dapat belajar not-not muzik.



BAND KATAK-KATAK (Pelajar SJKC Chong Cheng)

Kami sangat seronok dapat menyertai program ini dan berharap dapat yang terbaik dalam pertandingan ini. Kami dapat belajar banyak perkara baru seperti fungsi-fungsi keyboard.

FARISYA (Pelajar SK Bayan Lepas 2)

Program ini sangat bermakna bagi saya kerana tahun ini saya Darjah 6 dan ini program terakhir untuk saya pada tahun ini. Program ini sangat seronok kerana dapat bermain alat muzik baru seperti keyboard.



FESTIVAL MUSIC TIME KEYBOARD

PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2023
&
FESTIVAL ENSEMBLE YAMAHA MUSIC
FRIENDS 2023
22 Nov - 24 Nov 2023



Yamaha Music (Malaysia) Sdn Bhd telah mengadakan Festival Ensemble Yamaha Music Friends Tahun 2023 yang melibatkan dua jenis program iaitu :

- i. Program Music Time Keyboard
(31 buah sekolah)
- ii. Program MFC GO

Senarai pemenang Festival Music Time Keyboard Peringkat Negeri Selangor:

- SK Taman Universiti
- SK Bandar Utama Damansara 4
- SK Sri Serdang
- SK Bangi
- SK Damansara Jaya 1



Senarai sekolah Negeri Selangor yang terlibat dalam Program MFC GO :

- SK Hisamuddin Alam Shah
- SMK Kota Damansara 10
- SJKC Sin Ming
- SK Bandar Utama Damansara 4
- SK Bukit Kemuning 2




BENKEL PERSIAPAN KONSERT MUSIC TIME & KONSERT MUSIC TIME KEYBOARD PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2023

6 DISEMBER 2023



Sebelum konsert diadakan, guru-guru sekolah yang terlibat telah membuat persiapan konsert seperti hiasan pentas dan memberi tunjuk ajar serta latihan kepada pelajar.



Konsert Music Time Keyboard Peringkat Negeri Perlis dianjurkan oleh Unit Ko-Kurikulum dengan kerjasama pihak Yamaha Music (Malaysia) Sdn Bhd dan dikelolakan oleh sekolah-sekolah yang terlibat.

Sekolah yang terlibat dalam Konsert Music Time Keyboard ini adalah:

SK Pauh
SK Putra
SK IPGM
SK Jejawi
SK Paya
SK Kayang

SK Jalan Raja Syed Alwi
SK Abi
SK Padang Besar (U)
SK Seri Indera
SK Tengku Budriah

SK Sena
SK Seri Perlis
SK LKTP Chuping
SK Beseri
SK Batu Bertangkup



13 DISEMBER 2023

PERTANDINGAN MUSIC TIME KEYBOARD PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



Negeri Pulau Pinang tidak terlepas untuk mengadakan Pertandingan Music Time Keyboard untuk pelajar sekolah Program Music Time. Seramai 17 buah sekolah yang terlibat dan ia telah diadakan di SJKC Chong Cheng, Pulau Pinang.

Senarai pemenang Festival Music Time Keyboard Peringkat Negeri Pulau Pinang 2023:

1. SK Bayan Lepas 2 - The Buoyant
2. SJKC Chong Cheng - The Bear and Friends
3. SK Bayan Lepas 2 - The Top Notch
4. SJKC Chong Cheng - Band Katak-Katak
5. SK Bayan Lepas 2 - The Dazzling



PUAN NUR HIDAYU GOH BINTI
ABDULLAH @ GOH TING TING
Bersara: 30 Mei 2023

Penglibatan Dengan Program Music Time
Keyboard

- i. Guru Perintis Program Keyboard & Gitar Yamaha Music Malaysia di SK Kelana Jaya 1 (2013 - 2014)
- ii. Penglibatan PROGRAM KEYBOARD mulai tahun 2013 di SK Kelana Jaya 1, Petaling Jaya, Selangor

SELAMAT BERSARA CIKGU!

Sebanyak 30 orang pelajar terdiri daripada 2 kumpulan dari Tahap 2 dan 1 kumpulan dari Tahap 1. Program ini pada asalnya menyediakan dua orang tenaga pengajar yang telah dilantik khas oleh Yamaha Music.



Lawatan bersama murid-murid Program Music Time, AJK PIBG dan wakil daripada Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama ke Ibu Pejabat Yamaha Corporation Japan di Hamamatsu, Shizuoka, Japan pada tahun 2014.



Kemudian Cikgu Hidayu bertukar ke SK Sri Damai pada tahun 2015 dan memulakan Program Music Time di sekolah ini.

Di SK Sri Damai, Cikgu Hidayu melibatkan pelajar PPKI (Program Pendidikan Khas Integrasi) dalam program ini.

SK Sri Damai pernah menerima lawatan kunjungan daripada Pihak Yamaha Corporation Japan dan Yamaha Music Malaysia.

Pada tahun 2016, SK Sri Damai menyertai Festival Keyboard Music Time Sekolah Rendah yang diwakili oleh murid-murid aliran perdana dan juga PPKI.



SELAMAT BERSARA CIKGU!



- PUAN LEAN NYIOK MOY
- BERSARA: 10 FEB 2024
- PENGLIBATAN PROGRAM MUSIC TIME KEYBOARD DI SK SULTANAH ASMA DARI TAHUN 2015 HINGGA 2024.



- JOHAN PERINGKAT NEGERI TAHAP 1 & 2 TAHUN 2017
- MEWAKILI NEGERI KEDAH KE PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017.
- JOHAN TAHAP 1 DAN NAIB JOHAN TAHAP 2 PERINGKAT NEGERI TAHUN 2018

SEMINAR MUSIC TIME KEYBOARD



Pulau Pinang
(Daerah Barat Daya)
Silibus Baru Step 1
8 Jun 2023



Selangor
(SK Lembah Subang)
Silibus Baru Step 1
8 Julai 2023



Kedah
Silibus Baru Step 1
23 Julai 2023



Pulau Pinang
(Daerah Barat Daya)
Silibus Baru Step 2
7 September 2023



Perlis
Silibus Baru Step 1
8 September 2023



Selangor
Silibus Baru Step 1
26 September 2023



Selangor
Silibus Baru Step 1
4 Januari 2024



Pulau Pinang
(Daerah Barat Daya)
Silibus Baru Step 3
17 Januari 2024



Negeri Sembilan
Silibus Baru Step 1
18 Januari 2024



AKTIVITI PROGRAM MUSIC TIME DI SEKOLAH



HARI MUZIKAL SK ALOR GAJAH 1 26 JANUARI 2024

Team 1: Tahun 3

Lagu 1: Butterfly
Lagu 2: Dancing In a Circle

Team 2: Tahun 4

Lagu 1: March
Lagu 2: Old Mc Donald
Lagu 3: Twinkle-twinkle Little Star

Team 3: Tahun 5

Lagu 1: Wau Bulan
Lagu 2: Enjit-Enjit Semut

AKTIVITI PROGRAM MUSIC TIME DI SEKOLAH

PROGRAM PENGGALAKAN KESENIAN (SENI UNTUK SEMUA) BENGKEL ASAS PERMAINAN KEYBOARD PERINGKAT DAERAH KUANTAN TAHUN 2023



SK Batu Tiga telah mengadakan Program Penggalakan Kesenian iaitu Bengkel Asas Permainan Keyboard Peringkat Daerah Kuantan, Pahang pada 7 September 2023 bertempat di sekolah tersebut.

Seramai 30 orang murid dari 5 buah sekolah, dua orang Jurulatih Utama dan lima orang guru pengiring terlibat dalam program ini.



Tujuan program ini diadakan adalah untuk:

- i. Memperkenalkan asas permainan keyboard
- ii. Memperkenalkan teknik permainan keyboard menggunakan teknik penjarian
- iii. Memperkenalkan permainan keyboard sambil membuat pergerakan





**BELAJAR BERSAMA
RAKAN-RAKAN DI DALAM
SEKOLAH**

**PEMBELAJARAN SATU
JAM SETIAP MINGGU.
45 KELAS SETAHUN.**



GITAR







KEYBOARD



DRAM

MUSIC FRIENDS COURSE

JADIKAN IMPIAN ANDA SATU KENYATAAN

-  **Guru Yamaha yang berkemahiran tinggi akan mengajar anak anda di sekolah**
-  **Bahan pembelajaran dalam talian untuk latihan kemahiran di rumah**
*digalakkan pembelian instrumen untuk penggunaan di rumah
-  **Kurikulum direka oleh Yamaha Music Foundation, Jepun dengan lebih 60 tahun kepakaran dalam pendidikan muzik**
-  **Peluang membuat persembahan**

**DAFTAR
SEKARANG**



Pihak Yamaha Music School akan menghubungi anda untuk pengesahan dan pembayaran sebelum kelas bermula.

Layari media sosial Yamaha Music Malaysia untuk maklumat lanjut:



my.yamaha.com

Diterbit oleh
YAMAHA MUSIC (MALAYSIA) SDN. BHD.
No.8, Jalan Pemandaran, Kelana Jaya, 47301 Petaling
Jaya, Selangor Darul Ehsan